


# Kembara SuTera

2015.06

CRI  
中国广播电视台



Pekan Luodai

Restoran Tema Asli Yang Unik

Empat Harta Karun di Bilik Bacaan

Kekenangan Kota Wuxi yang Mendamaikan

Pilihan Taman untuk Kunjungan Keisi Keluarga

Apakah Makanan Pilihan di Beijing?

# Shangri-la

Taman Aman dan Sentosa

## Jom ke China

**Merancang percutian ke China?**

# Nak cari

**Warisan Budaya**

**Hotel Penginapan**

**Restoran Makanan Halal**

**Tempat Peranginan**

**Masjid**



**Semua info yang berguna ada di sini.**

*Kenali China sebelum datang ke China.*

**Menjadi rakan kami melalui ID: Kembara-Sutera atau terus skan kod QR ini.**



## Wacana dari Tembok Besar

Salam sejahtera para pembaca budiman. Pejam celik pejam celik kita sudah pun menghampiri setengah tahun kedua bagi tahun 2015. Adakah azam tahun baharu anda sudah hampir terlaksana? Bagaimanakah pula dengan impian pengembalaan anda? Sekiranya anda masih mencari-cari tempat pelancongan yang sesuai, kami di Kembara Sutera (KS) sentiasa berlapang dada untuk membantu anda.

Untuk edisi KS kali ini, kami telah menyediakan tiga buah tempat yang istimewa yang mungkin boleh anda masukkan dalam senarai tempat-tempat pelancongan anda di China. Tempat-tempat tersebut ialah Shangri-la, bandar Wuxi dan beberapa taman tema.

Adakah anda pernah mendengar tentang pemandangan alam sekitar yang permai dan tiada tandingannya seolah-olah "syurga" di dunia? Sekiranya anda benar-benar ingin menyaksikan "syurga" tersebut, marilah berkunjung ke Shangri-la. Selain terpesona akan pemandangan alamnya, anda juga akan terpegun menyaksikan panorama flora dan faunanya yang istimewa.


Kesibukan dan kebisingan di kota ada kalanya memenatkan. Sekiranya anda mahukan kesenyapan dan suasana yang damai, ikutilah percutian Satria ke kampung halamannya di Wuxi, mungkin "kesenyapan dan kedamaian" yang anda cari dapat anda temukan di sana.


Bagi yang sudah berkeluarga, percutian berkonsepkan taman tema tentunya menjadi pilihan. Taman Tema Happy Valley Beijing, Disneyland Hong Kong dan Chimelong Paradise merupakan antara pilihan terbaik untuk hiburan anda seisi keluarga.

Selain tempat pelancongan, tempat makan juga sangat penting kepada setiap pelancong. Kesempatan untuk menikmati percutian tidak lengkap rasanya tanpa mencuba makanan-makanan tempatan yang istimewa. Terdapat beberapa jenis makanan yang mestilah anda cuba sekiranya berada di Beijing, di samping merasai sendiri suasana istimewa restoran tema original di China. Dijamin berbaloi!

Oh, ya! Selain itu, KS juga ada menyediakan beberapa rencana yang menarik untuk tatapan anda. Diharapkan maklumat tersebut akan mendekatkan anda lagi dengan China.

Sekian, semoga kita akan bertemu lagi dalam keluaran yang akan datang. Salam mesra daripada kami.

  
Awan



06	Pekan Luodai
10	Shangri-la, Taman Aman dan Sentosa
14	Restoran Tema Asli Yang Unik
18	Xinjiang, Wilayah Yang Paling Luas di China
22	Empat Harta Karun di Bilik Bacaan
24	Kekenangan Kota Wuxi yang Mendamaikan
28	Taman Tema untuk Kunjungan Keisi Keluarga
30	Apakah Makanan Pilihan di Beijing?
32	Etnik Yang Beragama Islam di China – Etnik Tatar
33	Masjid Xiningdao, Tianjin
34	Dapur Lazat Anisah: Toona Sinensis

Penerbit:  
**Radio Antarabangsa China (CRI)**

Ketua Pengarang:  
**An Xiaoyu**

Timbalan Ketua Pengarang:  
**Zhang Wenwen**

Ketua Editor:  
**Wang Jin**

Editor:  
**Zaidah Ahmad Rosly**  
**Zhang Wei Lin Ying**

Tempat Edaran:  
**Malaysia**

Tarikh Terbit:  
**Oktober, Disember, Februari, April,**  
**Jun, Ogos**

Laman Sesawang:  
<http://malay.cri.cn>

facebook:  
[www.facebook.com/kembarasutera](http://www.facebook.com/kembarasutera)

E-mel:  
[mal@cri.com.cn](mailto:mal@cri.com.cn)


Surat-menurat:  
**Malay Service,**  
**China Radio International,**  
**16A Shijingshan Road,**  
**100040 Beijing, P.R. China.**

Telefon:  
**+86-10-68892073**

# Pekan Luodai

Pekan Luodai yang terletak di kawasan luar bandar Chengdu, ibu kota provinsi Sichuan merupakan sebuah pekan kuno Hakka yang dipelihara dengan baik di kawasan barat daya China.

Pekan kuno ini mencakupi kawasan seluas 20 kilometer persegi dengan jumlah penduduk sebanyak 23 ribu orang. Lebih 90% penduduk pekan ini merupakan orang Hakka yang masih mewarisi adat istiadat orang Hakka dan bertutur dalam bahasa Hakka.



**A**pabila bersiar-siar di pekan kuno Hakka ini, pelancong akan berasa seolah-olah berada di Meizhou, iaitu tempat asal orang Hakka di provinsi Guangdong. Menurut orang tempatan



Luodai, orang bukan Hakka juga bertutur dalam bahasa Hakka setelah berkahwin dengan orang di pekan ini.

Di Pekan Luodai, terdapat empat buah dewan persatuan rakan sekampung dari provinsi Guangdong, Jiangxi, Hubei dan Hunan, serta utara Sichuan. Keempat-empat buah dewan persatuan ini telah disenaraikan dalam senarai

perlindungan bangunan kuno kerana mempunyai keistimewaan dari segi seni bina tradisional China.

Dewan-dewan persatuan rakan sekampung ini merupakan bangunan tipikal yang wujud pada zaman Dinasti Ming (1368-1644) dan Dinasti Qing (1616-1912). Antara empat buah dewan persatuan tersebut, dewan persatuan rakan sekampung provinsi Guangdong merupakan dewan yang paling bersejarah dan paling mewah.

Pada zaman dahulu, orang Hakka dari Guangdong sangat pandai bermiaga dan kaya-raya. Oleh sebab itulah dewan persatuan mereka dibina dengan cantik dan mewah.

Pada masa sekarang, terdapat banyak dewan persatuan rakan sekampung Guangdong di seluruh China, namun hanya ada dua buah sahaja yang dipelihara dengan sempurna, iaitu di Tianjin dan yang satu lagi di Pekan Luodai. Walau bagaimanapun, dewan persatuan di Luodai ini lebih mewah dan sempurna berbanding dengan dewan persatuan di Tianjin. Oleh itu, dewan persatuan Guangdong ini dikenali sebagai "Dewan Persatuan Rakan

Sekampung Guangdong Pertama". Dewan orang Hakka ini telah menjadi tempat untuk mengadakan mesyuarat, majlis memuja nenek moyang dan majlis meraikan perayaan yang penting. Pada tahun 2007, ketua dari 39 persatuan rakan sekampung Guangdong dari seluruh Malaysia telah berkunjung ke Dewan Persatuan Rakan Sekampung Guangdong di Luodai ini.

Di pekan kuno Hakka ini terdapat "satu jalan, tujuh lorong" dan "lima dewan, satu taman" yang menjadi destinasi pelancongan utama. Destinasi ini menggabungkan semua unsur kebudayaan Hakka, iaitu orang Hakka, bahasa Hakka, seni bina Hakka dan adat istiadat Hakka.

Kedai-kedai di pekan kuno ini juga menjadi daya tarikan pelancong. Antaranya termasuklah kedai pakaian, kedai kraf tangan dan restoran. Yang paling menarik di pekan ini ialah masakan istimewa orang Hakka seperti mi, taufu, daging arnab, dan lain-lain.

Sektor pelancongan yang kian berkembang telah membantu meningkatkan pendapatan orang Hakka di Luodai. Oleh sebab Luodai berdekatan




dengan bandar Chengdu, hasil pertanian tempatan juga boleh dibawa dan dijual dengan laris di Chengdu. Di samping itu, penduduk Chengdu juga suka bersantai di pekan Luodai dan ini turut mendorong perkembangan sektor pelancongan tempatan. **KS**



Apakah Shangri-la? Shangri-la seumpama sebuah lagu yang mengisahkan sebuah tempat yang mempesona, sebuah hotel yang menyediakan tempat istirahat kepada kita dan sebuah taman yang menjadi syurga dunia dalam hati kita. Shangri-la benar-benar wujud. Shangri-la ialah sebuah kaunti yang indah di Daerah Autonomi Etnik Tibet Dqing di provinsi Yunnan, barat daya China. Dqing dalam bahasa Tibet bermaksud “tempat yang sentosa” dan “tempat yang paling dekat dengan syurga”.

# Shangri-la

## Taman Aman dan Sentosa



Penulis Britain yang terkenal, James Hilton

dalam novelnya *Horizon Yang Hilang* menggambarkan Shangri-la sebagai sebuah kawasan penduduk etnik Tibet yang sentosa di China. Di sana terdapat tasik, gunung-ganang, gaung dan padang rumput. Pemandangan alam sekitar yang indah permai dan tiada tandingannya menjadikan Shangri-la seolah-olah syurga di dunia.

Orang ramai kagum akan keindahan kaunti Zhongdian di daerah Dqing kerana sama seperti yang digambarkan dalam novel

Hilton tersebut. Oleh itu, tempat yang telah dinamakan sebagai “Zhongdian” selama 400 tahun, kini lebih dikenali dengan nama “Shangri-la”.

Sebenarnya, perkataan “Shangri-la” pernah tercatat dalam buku kuno bahasa Tibet kira-kira seribu tahun lalu yang bermaksud “matahari dan bulan dalam hati”. “Satu jambatan, satu pelataran, dua tasik dan satu gunung” adalah antara destinasi pelancongan yang tidak boleh dilepaskan sekiranya melawat ke Shangri-la.

“Satu jambatan” ialah Jambatan Semula Jadi. Daripada nama jambatan ini, kita sudah boleh tahu jambatan ini ialah sebuah jambatan alamiah. Jambatan ini setinggi lebih 60 meter dari paras air sungai, selebar 10 meter dan sepanjang 200 meter. Permukaan jambatan

ini amat datar dan lurus seperti buatan manusia. Di sebelah kiri dan kanan jambatan ini, terdapat lereng yang tinggi dan curam dan mata air panas yang suhu puratanya mencecah 70°C sepanjang



tahun.

“Satu pelataran” pula ialah Pelataran Baishui (air tawar) yang terletak di 2380 meter dari paras laut di sebelah tenggara Shangri-la. Mata air yang kaya dengan natrium bikarbonat itu mengalir perlahan-lahan dari Pelataran Baishui. Apabila air mengewap, endapan natrium bikarbonat akan membentuk satu pelataran yang seluas tiga kilometer persegi. Pelataran Baishui yang kelihatan seolah-olah sawah yang bertingkat-tingkat pula dikenali sebagai “ladang bertingkat tinggalan dewa-dewi”. Pada 8 hb. bulan kedua



setiap tahun menurut kalendar Cina, penduduk tempatan dari etnik Tibet, Naxi, Yi, Bai dan Lisu akan mengadakan upacara memuja dewa-dewi di pelataran Baishui.

“Dua tasik” yang dimaksudkan ialah Tasik Bita dan Tasik Napa. Tasik Bita yang dikenali sebagai “mutiara dataran tinggi” merupakan tasik paling tinggi di provinsi Yunnan. Permukaan tasik ini setinggi 3,539 meter dari paras laut. Ikan liar hidup di sini kerana tiada pencemaran sedikit pun di tasik ini. Antara spesies ikan yang hidup di tasik ini termasuklah sejenis ikan yang mempunyai tiga bibir yang dinamakan “ikan berbilang bibir Bita” oleh ahli biologi China. Ikan ini merupakan hidupan dari Zaman Glasier IV, iaitu 2.5 juta tahun lalu.

Bunga azalea tumbuh dengan mekar pada bulan Mei setiap tahun. Bunga tersebut tumbuh di tepi Tasik Bita sehingga ke permukaan tasik. Keadaan ini telah menarik kemunculan banyak



ikan di tasik tersebut. Ikan yang makan bunga azalea akan mabuk dan terapung-apung di permukaan air. Oleh itu, pemandangan “ikan mabuk bunga azalea” di Tasik Bita menjadi pemandangan unik yang sangat menarik.

Tasik Napa merupakan tasik semula jadi yang terdiri daripada kolam-kolam air tawar dan tanah paya. Air dari lapan batang sungai kecil di gunung bertemu, lalu membentuk Tasik Napa. Tasik Napa dikelilingi padang rumput yang paling luas di Shangri-la.

Pada musim gugur, padang rumput di sekitar Tasik Napa kelihatan berkilau-kilauan seperti emas, tatkala disinari cahaya matahari. Pemandangan tersebut sungguh menawan hati. Bayang gunung salji pula akan kelihatan pada permukaan air yang jernih. Pemandangan pelbagai jenis burung liar yang berbunyi dalam rumput atau bermain-main di permukaan air sangat menyenangkan.

Aktiviti menangkap jejak bangau leher hitam menjadi sebab banyak orang datang ke Tasik Napa. Bangau yang sangat bernilai dan jarang-jarang ditemukan ini hanya hidup di Dataran Tinggi Qinghai-Tibet dan Dataran Tinggi Yunnan-Guizhou, China. Tasik Napa yang banyak air dan subur rumputnya menyediakan makanan yang cukup kepada bangau leher hitam. Alam sekitar

yang tiada pencemaran dan iklim yang sesuai menjadikan Tasik Napa habitat bagi bangau leher hitam.

Tabung Bangau AS kini memelihara 14 daripada 15 jenis bangau yang terdapat di dunia dan hanya kekurangan bangau leher hitam. Sekarang, terdapat lebih kurang 1,000 ekor bangau leher hitam di dunia. Menurut kaji selidik sarjana AS pada tahun 1989, terdapat 76 ekor



#### Panduan:

Lebuh raya merupakan cara pengangkutan utama keluar masuk Shangri-la.

Laluan 1: Bas ekspres dari Kunming (ibu kota provinsi Yunnan) ke Shangri-la, jaraknya 720 kilometer, mengambil masa kira-kira 12 jam.

Laluan 2: Bas ekspres dari Lijiang ke Shangri-la, jaraknya 187 kilometer, mengambil masa kira-kira 4 hingga 5 jam.

Laluan 3: Bas ekspres dari Dali ke Shangri-la, jaraknya 300 kilometer, mengambil masa kira-kira 8 jam.

Lapangan Terbang Diqing adalah antara lapangan terbang yang paling besar di barat laut provinsi Yunnan. Lapangan Terbang Diqing hanya 4 kilometer dari Shangri-la. Kini, laluan bagi penerbangan dari Shangri-la ke bandar Kunming, Chengdu, dan Lhasa telah mula ditawarkan.

#### Penginapan:

Sekiranya melancong ke Shangri-la, anda boleh menginap di rumah penduduk tempatan bagi menikmati adat resam tempatan yang istimewa. Biasanya berharga 60-120 yuan untuk sebuah bilik.



bangau leher hitam telah berhijrah ke Tasik Napa pada musim sejuk. Sepuluh tahun selepas itu, jumlah bangau leher hitam yang disenaraikan sebagai binatang terancam oleh PBB ini, telah meningkat 150 ekor di Tasik Napa. Sekiranya anda berpeluang untuk melihat bangau leher hitam ini, janganlah mengacau mereka.

“Satu gunung” merupakan Gunung Salji Haba. Haba dalam bahasa Naxi bermaksud bunga keemasan. Gunungnya yang tertinggi mencatat 5,396 meter. Bahagian atas lebih landai, manakala bahagian bawah agak terjal. Bulan November hingga bulan Februari tahun seterusnya merupakan waktu yang paling sesuai untuk mendaki gunung ini. Namun disebabkan oleh monsun, angin bertiup kencang pada bulan Januari dan Februari. Oleh itu, bulan November dan Disember yang anginnya tidak begitu kuat merupakan bulan yang paling baik untuk mendaki gunung tersebut.

Terdapat pelbagai tumbuhan di kawasan perlindungan alam sekitar di Gunung Haba, antaranya termasuklah beberapa jenis herba yang berharga. Tempat ini juga menjadi habitat pelbagai binatang liar.

Shangri-la merupakan sebuah tempat yang suci dan indah. Tasiknya tenang dan padang rumputnya luas. Sekiranya anda telah menjelaskan kaki di Shangri-la, barulah anda dapat memahami erti “taman aman dan sentosa”. **KS**



# Restoran Tema Asli



## Restoran Tandas

Restoran Tandas ialah restoran yang bertemakan tandas. Semua hidangan diletakkan dalam bekas berbentuk mangkuk tandas, bahkan restoran itu juga menyediakan aiskrim yang bentuknya serupa tahi. Pelanggan yang datang ke sini akan duduk di kerusi yang berbentuk tandas duduk, sambil menikmati hidangan lazat yang diletakkan dalam bekas yang unik tersebut.

Terdapat sebuah restoran sebegini di Beijing yang amat digemari oleh golongan muda. Tuan punya restoran itu memberitahu tujuannya adalah untuk menyediakan tempat yang kurang memberikan tekanan kepada golongan muda.

Hiasan keseluruhan restoran tersebut direka bentuk menurut gaya bilik mandi. Kerusi di restoran tersebut berbentuk tandas duduk. Mangkuk tandas duduk dan mangkuk tandas cangkung menjadi pinggan mangkuk bagi setiap hidangan. Pelbagai

jenis lukisan mengenai tahi menghiasi dinding restoran. Masuk ke restoran tersebut seperti kita masuk ke tandas lima bintang.

Sekiranya anda kurang berkeyakinan, hidangan di restoran tersebut mungkin akan menakutkan anda. Hidangan nasi putih dengan ayam kari dalam mangkuk tandas, memang sukar diceritakan rupa sebenar hidangan tersebut. Kalau anda berani, cubalah rasa sendiri. Hidangannya tetap sedap!

## Restoran Gelap Cerita Pari-Pari Kuda Trojan

Sekiranya makan dalam

Oleh sebab para pelanggan sering mempunyai keinginan untuk "memburu makanan-makanan sedap", maka muncullah pelbagai restoran tema asli di sana sini. Marilah kita sama-sama "berkunjung" ke beberapa restoran tersebut.

suasana gelap, adakah makanan tersebut mungkin akan masuk ke dalam hidung? Atau akan menyembunyikan hidangan orang lain kerana tiada cahaya? Jangan tersenyum gembira kerana hidangan anda juga mungkin dicuri oleh orang lain! Adakah anda berminat untuk mencuba hidangan di restoran seperti itu?

Kami sudah menemui sebuah restoran gelap di Beijing, iaitu Restoran Gelap Cerita Pari-Pari Kuda Trojan. Tutup mata, buka hati, magis dan gelap sukar untuk digambarkan. Idea restoran tersebut berasal daripada sebuah restoran gelap yang



*Duduk dalam suasana yang tenang, makan dan minum dengan ditemani oleh “binatang” di sisi anda, namun tidak perlu bimbang makanan anda akan diambil atau dicuri oleh binatang itu. Bukankah ini pengalaman yang menarik?*



hidangan masih sedap. Oleh itu, anda pasti akan berpuas hati.

Meskipun hidangan pelbagai warna, namun hanya warna hitam yang kelihatan. Pada prinsipnya, tempat yang boleh bertoleransi dengan pelbagai emosi, misalnya ketawa, marah, sedih dan gembira hanyalah restoran gelap.



### **Kedai Kopi Zoo Coffee**

Kedai kopi Zoo Coffee pada awalnya dibuka di Republik Korea (RoK) pada tahun 2009. Selepas dua tahun, kedai tersebut menjadi salah sebuah kedai kopi yang paling popular di negara itu. Kini, terdapat banyak kedai kopi Zoo Coffee dibuka di China.

Perkara yang paling menarik tumpuan pelanggan untuk datang ke kedai tersebut ialah unsur hiasannya. Hiasan di kedai kopi tersebut terdiri daripada pelbagai jenis permainan haiwan. Rentak hidup dan budaya kerja di bandar sekarang amat pantas, khususnya di bandar-bandar besar seperti Beijing, Shanghai, dan Guangzhou. Oleh itu, kesempatan masuk ke kedai kopi tersebut dan

menikmati suasana yang selesa pasti membuatkan kita lupa akan semua tekanan dan bebanan hidup.

Di setiap dinding kedai kopi Zoo Coffee, akan kelihatan lukisan mural yang bertemakan haiwan seperti kuda belang, gajah dan harimau bintang. Beberapa boneka haiwan juga diletakkan di sudut yang menjadi tumpuan. Anda boleh minum kopi dengan ditemani monyet, gajah, panda, dan lain-lain. Bukankah menikmati secawan kopi dengan ditemani haiwan juga begitu menyeronokkan? Selain mengurangkan tekanan, kedai tersebut juga sangat praktikal bagi ibu bapa yang mahu membawa anak-anak mereka. Kanak-kanak yang datang ke kedai kopi tersebut seumpama masuk ke dalam sebuah zoo.

### **Dok Lama: Impian di Kampung Air Selatan**

Kampung air di selatan China amat terkenal di dunia. Beberapa penerbit filem antarabangsa pernah memilih lokasi penggambaran filem mereka di kampung air seperti Zhouzhuang, Tongli, Nanxun, Xitang dan Wuzhen.

Menikmati pemandangan purba yang mempesona di dok lama merupakan pengalaman yang istimewa. Kalau tidak sempat untuk ke kampung tersebut, anda sebenarnya masih berpeluang untuk mencuba pengalaman istimewa berada di dok sambil menikmati hidangan di Beijing.

Restoran Dok Lama yang terletak di Hotel Asia Beijing sangat digemari oleh pelanggan kerana reka bentuknya berseni bina

kampung air di selatan China.

Apabila anda masuk sahaja ke restoran tersebut, anda akan dapat melihat empat buah perahu panjang di depan anda. Semasa berjalan kaki di sepanjang restoran tersebut, anda akan melihat air jernih bercampur dengan batu buntar di bawah lantai kaca. Langsir daripada buluh digunakan untuk mengasingkan meja-meja makan. Berada di sini seumpama berada di “kampung air”.

Menyusuri dok sehingga ke penghujung restoran, anda akan menyaksikan pemandangan yang berbeza. Suasana di situ seumpama berada di kampung nelayan. Sekiranya anda memilih restoran ini untuk mengadakan jamuan sudah tentu memberikan kenangan yang istimewa kepada rakan-rakan. **KS**

pertama di dunia yang dibuka di Zurich pada tahun 1999. Restoran tersebut bertujuan untuk membantu orang buta. Selepas itu, restoran tersebut beransur-ansur menjadi restoran pelancongan yang terkenal di Eropah.

Restoran Gelap Cerita Pari-Pari Kuda Trojan mempunyai dua kawasan: kawasan pertama, kawasan yang kelam, terdapat bunga ros yang bersembunyi di atas meja, suasannya amat romantis. Kawasan kedua, kawasan gelap-gelita sehingga kita betul-betul tidak nampak tangan kita. Walaupun makan dalam keadaan bergelap,

# Xinjiang


## Wilayah Yang Paling Luas di China

Wilayah Autonomi Uygur Xinjiang yang mencakupi kawasan seluas 1.66 juta kilometer persegi, merupakan kawasan pentadbiran peringkat provinsi yang keluasan daratnya paling besar di China.

Padang rumput yang terbentang luas, gunung-ganang yang diliputi salji sepanjang tahun, tasik-tasik yang misteri menjadikan Xinjiang syurga pelancongan dan percutian kepada para pelancong.



1





2



3



1. Tasik Bulan yang indah dan sunyi berubah mengikut perubahan Tasik Kanas. Permukaan airnya cukup jernih dan rata seumpama sebuah cermin dan reben biru yang panjang.
2. Lembah Rama-rama merupakan destinasi yang amat sesuai untuk mengembara berjalan kaki. Kini, terdapat sekurang-kurangnya 20 jenis dan tidak kurang 100 ribu ekor rama-rama boleh ditemukan di lembah ini.
3. Schrenk spruce, sejenis pokok yang hidup di kawasan hutan Gunung Tianshan. Pokok ini tumbuh subur sepanjang tahun.
4. Gunung Tianshan yang sentiasa diselubungi kabut yang bergerak perlahan-lahan memperkenan pemandangan yang sungguh mengasyikkan.





China ABC

# Empat Harta Karun di Bilik Bacaan Orang Cina



**B**erus, dakwat Cina, kertas dan batu tinta dianggap sebagai “empat harta karun” yang terdapat dalam bilik bacaan orang Cina pada zaman purba.

Berus atau “mopit” merupakan alat tulis yang istimewa di China. Batang mopit diperbuat daripada buluh atau kayu, manakala bulu mopit pula diperbuat daripada bulu binatang seperti bulu kambing, bulu serigala, dan lain-lain. Mopit dicipta kira-kira dua ribu tahun yang lalu di China. Menurut cerita dalam kalangan rakyat, mopit dicipta oleh Jeneral Besar Negeri Qin, Meng Tian pada zaman Negeri-negeri Berperang (tahun 475-221 S.M.). Pada zaman Dinasti Yuan (tahun 1271-1368), Mopit Hu yang dihasilkan di bandar Huzhou, provinsi Zhejiang adalah mopit yang paling bermutu dan popular kerana coraknya yang istimewa, iaitu tajam, bulat dan kuat. Pada zaman sekarang, walaupun pensel, pena, dan lain-lain telah menggantikan mopit sebagai alat tulis sehari-hari, namun kedudukan mopit dalam kebudayaan dan kesenian China tidak dapat

digantikan.

Dakwat Cina atau bak digunakan bersama-sama dengan mopit untuk menulis dan melukis. Dakwat Cina dihasilkan daripada arang batu, arang pokok pain, gam, dan lain-lain. Dakwat Cina digosok pada batu tinta dengan air sebelum boleh digunakan untuk menulis dan melukis. Pada zaman dahulu, seorang bapa dan anaknya yang bernama Xi Chao dan Xi Ting pandai membuat dakwat Cina yang bermutu dan disanjung tinggi oleh Raja Dinasti Nantang, Li Yu (tahun 916-961). Keluarga Xi turut dihadiah nama diraja Li. Selepas itu, Dakwat Li menjadi terkenal di seluruh negara. Tempat tinggal keluarga Li, iaitu kaunti She, provinsi Anhui ditukar nama menjadi bandar

Hui, manakala jenama Dakwat Li ditukar menjadi Dakwat Hui. Dakwat Hui masih popular di China sehingga sekarang.

Kertas yang juga dipanggil kertas Xuan dihasilkan di bandar Xuan, provinsi Anhui. Produk kertas bandar Xuan bermutu tinggi. Teknik membuat kertas dicipta oleh Cai Lun pada zaman Han Timur (tahun 25-220). Disebabkan generasi ke generasi terus membaiki teknik pembuatan kertas, teknik pembuatannya kini sudah semakin baik. Corak kertas Xuan yang rata dan licin, cepat menyerap air dan boleh disimpan lama menjadikan produk tersebut amat terkenal.

Batu tinta diperbuat daripada batu. Fungsinya sebagai bekas untuk menggosok dakwat Cina. Berdasarkan tempat keluaran yang berbeza, batu tinta juga boleh dikategorikan dalam pelbagai jenis. Antara yang paling terkenal ialah batu dari Zhaoqing, provinsi Guangdong, bandar Taozhou di provinsi Gansu, dan kaunti She dari provinsi Anhui, serta dari provinsi Shanxi. 





Ikuti editor KS melancong di China

# Keheningan Kota Wuxi yang Mendamaikan



Zhang Hong @ Satria, suka melancong, dan pernah menjakkan kaki ke beberapa negara Asia Tenggara, termasuk Malaysia, Indonesia dan Thailand. Beliau juga telah melawat ke beberapa bandar pelancongan dalam negeri seperti Urumqi, Kashgar, Yinchuan, Kunming, Nanning, Guilin, Hangzhou, Suzhou, Luoyang dan lain-lain. Wuxi ialah kampung halaman Zhang Hong. Dalam ruangan Ikuti Editor KS Melancong di China keluaran ini, silalah bersama-sama Zhang Hong bercuti di bandar yang indah ini.

Pada awal bulan Mac lalu, saya pulang ke kampung halaman di Wuxi, selatan Sungai Yangtze untuk menghadiri upacara perkahwinan sepupu saya sambil menikmati cuti pendek. Pada suatu petang, selepas makan tengah hari bersama-sama dengan kawan-kawan lama, kami pergi ke Jalan

Nanchangjie untuk minum teh. Oleh sebab hari itu ialah hari bekerja, pengunjung yang datang ke jalan tersebut tidak banyak, suasana begitu hening, memang sesuai untuk minum teh dan berbual-bual dengan beberapa orang kawan lama.

Hujan salji\* turun pada hari itu. Tidak berapa lebat, malah cepat cair apabila mencecah permukaan terusan kuno yang telah mengalir lebih 2,500 tahun, di luar restoran teh yang kami duduk. Suasana seumpama ini amat seronok. Maka, saya telah mengambil beberapa keping gambar di dalam restoran teh tersebut dan di kawasan



yang berhampiran sebelum memuatnaikkannya ke dalam Wechat, media sosial yang paling popular di China. Tidak sangka pula pada malam itu, kawan saya, Xiaowei, seorang Cina Malaysia telah melihat

gambar-gambar tersebut dan bertanya kepada saya melalui Wechat, "Ini kampung halaman awakkah? Sangat cantik! Seperti Wuzhen, tempat yang pernah saya lawati. Tetapi, Wuxi lebih menarik, seindah lukisan dakwat klasik China!" Saya amat terkejut kerana bagi saya pemandangan ini biasa sahaja.

Semasa kecil, saya sekeluarga tinggal di rumah seperti restoran teh ini, mempunyai dinding putih dan atap kelabu. Di depan rumah saya juga terdapat terusan kuno yang sama. Sebenarnya, Jalan Nanchangjie dan beberapa buah pekan purba di provinsi Jiangsu dan Zhejiang mempunyai seni bina atau sejarah yang hampir sama. Kemudian, barulah saya menyedari gambar-gambar yang saya ambil itu tidak kelihatan banyak orang! Suasana yang sunyi sepi menjadikan Jalan Nanchangjie unik berbanding dengan pekan-pekan purba lain yang sudah menjadi sangat terkenal seperti Zhouzhuang dan Wuzhen.

Zhouzhuang yang berhampiran dengan bandar Suzhou, dan Wuzhen yang berdekatan dengan bandar Hangzhou antara enam pekan purba yang terkenal di selatan Sungai Yangtze. Setiap hari pekan-pekan ini akan menerima ribuan pelancong dari dalam dan luar negara. Biasanya, pelancong akan

\*Hujan salji: hujan yang bercampur dengan salji.

menghabiskan sekurang-kurangnya setengah hari untuk berjalan-jalan di pekan purba tersebut. Hiruk-pikuk dan keruhan memang tidak dapat dielakkan apabila pelbagai jenis dialek dan bahasa bercampur aduk. Sudah pasti hasrat untuk menikmati kesunyian kampung air di selatan Sungai Yangtze seperti



yang digambarkan dalam banyak filem China tidak akan tercapai. Oleh itu, saya telah mengundang Xiaowei melawat ke Wuxi untuk merasai pesona sebenar kampung air.

Wuxi terletak di provinsi Jiangsu. Bandar ini tidak besar, sehari sahaja sudah cukup untuk menikmati keindahannya. Pada sebelah pagi, saya bercadang untuk membawa Xiaowei berkunjung ke Taman Yuantouzhu untuk menikmati pemandangan Tasik Taihu, tasik air tawar ketiga terbesar di China. Menurut legenda, Xishi, salah seorang daripada empat jelitawan yang

terkenal dalam sejarah China, akhirnya telah menetap di sini setelah membantu negerinya membanteras musuh.

Kemudian, saya merancang untuk membawa Xiaowei melancong ke Gunung Huishan pada sebelah petang pula. Di sini, terletak Taman Jichangyuan yang sangat digemari oleh Maharaja Kangxi

Selepas makan, saya akan membawa Xiaowei bersiar-siar di Jalan Nanchangjie, tempat saya mengambil gambar yang dimuatnaikkan ke dalam Wechat sebelum ini. Jalan ini berhampiran dengan pusat bandar Wuxi. Banyak bangunan dua tingkat yang dibina di tepi sungai, seperti rumah saya dahulu, kini telah diubah suai menjadi kelab, restoran teh dan kedai-kedai kecil yang menjual kraf tangan yang menarik. Oleh sebab bandar ini belum menjadi destinasi pelancongan yang terkenal, kebanyakan orang yang bersantai di sini adalah penduduk tempatan. Maka, bandar ini masih mengekalkan suasana sunyi sepi yang mendamaikan jiwa.

Restoran teh yang sering saya kunungi bernama "Chuanqi", berdekatan dengan Jambatan Qingming yang telah berusia lebih 400 tahun. Penyanyi Jepun, Ogata Daisaku, pernah mencipta lagu "Jambatan Qingming", yang amat popular di Jepun, selepas melawat ke Wuxi pada tahun 1986. "Chuanqi" bermaksud "alat yang boleh diwarisi daripada satu generasi kepada satu generasi" kerana selain minum teh, restoran teh tersebut juga menjual teko dan cawan teh yang diperbuat daripada tembikar merah dan porselin. Saya biasanya memilih bilik di tingkat dua apabila berada di restoran tersebut. Saya akan membuka tingkap kayu supaya

dapat melihat terusan kuno dan tanglung merah yang bercahaya di setiap kedai di tepi sungai.

Sejak saya kecil lagi terusan kuno ini sudah berfungsi seperti 2,000 tahun yang lalu. Banyak kapal yang mengangkut pelbagai jenis barang berasal dari selatan ke utara. Kebanyakan barang yang dibawa ialah beras kerana sejak zaman purba, Wuxi merupakan satu daripada empat pasaran beras paling besar di negara ini. Kini, bagi mengurangkan pencemaran, kapal-kapal tersebut berasal melalui sungai yang lain.

Kadangkala, dari tingkat atas restoran teh tersebut pengunjung boleh melihat kapal persiaran yang membawa pelancong menikmati pemandangan di terusan kuno. Restoran teh tersebut menyediakan pelbagai jenis daun teh untuk dipilih. Tetapi, sekiranya sudah berada di Wuxi, saya cadangkan anda cubalah teh hijau tempatan, Yiniao yang berkualiti tinggi dan pernah beberapa kali memenangi anugerah tertinggi negara. Bagaimanapun,


disebabkan jumlah pengeluarannya terbatas dan daun teh hijau sukar disimpan, teh tersebut hanya



disediakan untuk pasaran tempatan dan kawasan berhampiran.

"Wuxi, bandar yang penuh dengan kemesraan dan air." Saya masih ingat slogan promosi pelancongan bandar ini yang digunakan kira-kira 20 tahun yang lalu. Selamat melawat ke Wuxi. Nikmatilah keheningan kampung air di selatan Sungai Yangtze ini! **KS**

**Panduan:** Wuxi berdekatan dengan bandar Shanghai dan Suzhou. Jika menaiki kereta api laju, lebih kurang 40 minit sudah boleh sampai di bandar ini. Wuxi juga mempunyai lapangan terbang yang menyediakan penerangan ke pelbagai bandar lain di China serta Thailand, Singapura, Jepun dan Republik Korea. Jaringan kereta api bawah tanah pula sedang dilengkapsan. Dari stesen kereta api laju ke pusat bandar hanya mengambil masa kira-kira 40 minit sahaja. Stesen kereta api di lapangan terbang juga akan beroperasi pada tahun depan. Wuxi hanya sebuah bandar kecil, semua destinasi pelancongan berada dalam bandar. Oleh itu, jika dari satu destinasi ke destinasi lain, pelancong dicadangkan menaiki teksi sahaja, yang semuanya menggunakan meter. Musim bunga merupakan musim yang paling seronok untuk melawat ke bandar ini.





Bersempena dengan cuti sekolah pada setiap tahun, pasti banyak ibu bapa akan merancang untuk membawa anak-anak mereka mewat ke taman hiburan atau melancong ke tempat lain bagi mengisi waktu cuti. Aktiviti lawatan dan pelancongan bukan sahaja membolehkan kanak-kanak mendekati alam semula jadi, tetapi juga mendapat pengetahuan baharu di luar sekolah. Antara lokasi yang patut dikunjungi dan boleh dikatakan satu pilihan yang baik ialah taman tema.

# Taman Tema untuk Kunjungan Seisi Keluarga



Taman Happy Valley yang terletak di tenggara bandar Beijing merupakan antara taman tema yang paling moden

di China dan mendapat sambutan hangat daripada para pengunjung. Taman yang dibuka pada tahun 2006 ini sesuai dilawati seisi keluarga kerana mempunyai pelbagai aktiviti menarik untuk dilakukan bersama-sama tanpa mengira lapisan umur. Para pengunjung boleh merasai keriangan dan keterujaan di taman Happy Valley yang terdiri daripada tujuh buah kawasan bertema, iaitu Wild Fjord, Atlantis, Lost Maya, Aegean Harbor, Shangri-La, Ant Kingdom dan Happy Time yang dilengkapi lebih 40 kemudahan hiburan.

**Panduan Pelancongan :**  
Pengangkutan: Naik subway laluan 1, turun di Stesen Dawanglu. Kemudian, naik bas No. 31 dan turun di perhentian Houfengqiaonanzhan. Waktu Dibuka: 9.30 pagi – 10.00 malam  
Tiket: RMB 230 bagi orang dewasa; RMB 150 bagi kanak-kanak yang tingginya antara 1.2 - 1.5 meter. Kanak-kanak yang tingginya di bawah 1.2 meter boleh masuk percuma.

Terletak di Pulau Lantau, Disneyland Hong Kong adalah taman hiburan Disneyland yang pertama di China. Taman tema ini bukan sahaja menyerupai Disneyland lain di seluruh dunia yang menyediakan kawasan bertema seperti Main Street USA, Fantasyland, Adventureland dan Tomorrowland, tetapi juga Mystic Point dan Grizzly Gulch yang hanya terdapat di Hong Kong dan Toy Story Land

yang hanya terdapat di Asia. Taman tema yang dibuka kepada pengunjung pada 12 September 2005 ini menjanjikan keriangan, keseronokan dan lokasi riadah terbaik buat seisi keluarga. Terdapat pelbagai aktiviti menarik yang ditawarkan di taman ini, termasuklah menonton filem 4D yang bertajuk "Mickey's Philhar Magic" di Fantasyland.



Antara taman hiburan di China, Chimelong Paradise di Guangzhou merupakan taman tema yang paling besar di dunia dengan keluasan melebihi 133 hektar. Taman yang dibahagikan kepada lapan buah kawasan bertema ini menawarkan lebih 70 kemudahan hiburan yang kebanyakannya diimport dari Eropah dan AS, yang menjadikan taman hiburan ini berbeza daripada taman tema lain.

Di Chimelong Paradise, pelancong boleh menikmati lapan permainan yang memegang rekod dunia, iaitu Dive Coaster, Ten Inversion Rollercoaster, Motorbike Launch Coaster, Young Star Roller Coaster, Half Pipe, Splash Battle, Stunt Show, dan Giant Frisbee. **KS**



**Panduan Pelancongan:**  
Pengangkutan: Naik subway laluan 5 dan tukar ke laluan 3 di Stesen Zhujiangxincheng. Kemudian, turun di Stesen Hanxichanglong. Perkhidmatan bas No. 303A, 301, 288 dan 129 juga disediakan kepada para pelancong yang hendak ke Chimelong Paradise.  
Waktu Dibuka: 9.30 pagi – 6.00 petang (Isnin hingga Jumaat)  
9.30 pagi – 7.00 malam (hujung minggu)  
5.00 petang – 9.00 malam (lawatan pada sebelah malam)  
Tiket : RMB 250 bagi orang dewasa;  
RMB 175 bagi kanak-kanak dan warga emas; RMB 200 seorang untuk lawatan pada sebelah malam.



# Apakah Makanan Pilihan di Beijing?

*Stimbot, hidangan Sichuan yang terkenal dengan cili yang cukup pedas dan roti bawang yang dimasak di depan anda adalah antara makanan yang terkenal di Beijing. Selain itu, apakah makanan lain yang paling popular dan digemari oleh pelancong asing di bandar ini?*



## **Itik Panggang Beijing**


Hidangan ini merupakan hidangan yang paling terkenal di bandar Beijing sehingga dikatakan sangat bersinonim dengan bandar ini. Itik akan dipanggang dalam ketukar, kemudian dihiris di hadapan pelanggan, dan dimakan bersama-sama dengan sos kacang dan roti tipis. Sekiranya anda berkunjung ke Beijing, mestilah mencuba masakan istimewa Beijing ini!



## **Jiaozi (Dumpling)**

Jiaozi merupakan makanan yang amat popular di kawasan utara China. Penduduk di kawasan ini makan jiaozi pada hari-hari yang penting seperti pada Tahun Baharu Cina. Di Beijing, jiaozi dijual mengikut jumlah atau berat, iaitu satu "liang" (50g) lebih kurang enam biji jiaozi. "Ban jin" pula bersamaan dengan "lima liang" (250g) lebih kurang 30 biji. Kalau muah makan untuk dua orang, "ban jin" lebih sesuai.

**Mi Sos Kacang**  
Sekiranya anda bertanya kepada penduduk yang berasal dari Beijing, makanan apa yang paling disukai mereka, jawapannya pastilah mi sos kacang. Mi lepas direbus, ditambah dengan sos kacang dan pelbagai jenis sayur termasuk timun, kacang soya, bawang, lobak, tauge, dan lain-lain. **KS**



## **Sate**

Apabila tiba musim panas, rata-rata penduduk di bandar Beijing akan berkumpul di gerai-gerai tepi jalan untuk menikmati sate. Mereka memanggil sate dengan nama "Kao Chuan". Terdapat pelbagai jenis sate di Beijing, namun sate kambing adalah yang paling popular.



## **Stimbot Beijing**

Anda pasti akan menemui restoran stimbot di merata-rata tempat di bandar Beijing. Restoran stimbot di Beijing mementingkan sup dan daging. Daging kambing akan dihiris sangat tipis supaya cepat masak dalam sup yang mendidih.

# Etnik Tatar



Etnik Tatar yang berjumlah lebih 3,556 orang (mengikut keputusan banci penduduk kebangsaan 2010) merupakan etnik yang bilangan penduduknya paling sedikit di China. Etnik Tatar di China sedarah dengan etnik Tatar di Rusia. Kebanyakan mereka kini tinggal di Urumqi, Yining dan Tacheng di Wilayah Autonomi Uygur Xinjiang, di barat laut China.

Pada awal abad ke-19, telah berlaku perebutan tanah oleh pemerintah Rusia sehingga menyebabkan banyak orang kehilangan tanah. Etnik Tatar yang kehilangan tanah di Rusia terpaksa berpindah. Sebahagian mereka menuruni hilir Sungai Volga, Siberia dan Kazakhstan sehingga sampai di wilayah Xinjiang, lalu menjadi salah satu etnik minoriti di negara ini.

Etnik Tatar menganut agama Islam. Mereka mempunyai bahasa sendiri dan sistem tulisan

yang berasaskan tulisan bahasa Arab. Oleh sebab etnik ini menetap bersama-sama dengan etnik Uygur dan etnik Kazak sejak turun-temurun, maka bahasa dan tulisan kedua-dua etnik itu juga sering digunakan dalam kehidupan etnik Tatar.

Adat resam, gaya pembinaan rumah, hiasan dan cara hidup etnik Tatar berbeza dengan etnik Uygur dan etnik Kazak. Hal ini disebabkan etnik Tatar berasal dari Eropah dan mereka masih mengamalkan tradisi zaman dahulu.

Makanan etnik Tatar pelbagai. Etnik Tatar suka minum teh dan minuman yang diperbuat daripada madu dan anggur. Kuih etnik Tatar bercirikan kuih Eropah, banyak jenisnya dan rasanya sedap.

Berdasarkan adat resam etnik Tatar, upacara perkahwinan mereka diadakan di rumah pengantin perempuan. Selepas berkahwin, pengantin baharu akan tinggal di rumah pengantin

perempuan selama tiga hingga enam bulan.

Upacara perkahwinan etnik Tatar diadakan mengikut syariat Islam. Setelah imam berdoa, beliau akan bertanya kepada bakal pengantin baharu sama ada mereka bersetuju untuk bernikah atau tidak. Setelah mendapat jawapan, imam akan menyediakan segelas air gula kepada pengantin baharu itu untuk diminum. Air gula tersebut melambangkan pengantin baharu akan hidup bahagia dan manis seperti gula. Pada kesokan harinya, pengantin lelaki akan menziarahi mentua kemudian membawa isteri pulang ke rumahnya. Jamuan perkahwinan dan pelbagai hiburan sudah disiapkan di rumah pengantin lelaki. Pada malam itu, kedua-dua pengantin baharu balik ke rumah pengantin perempuan.

Etnik Tatar pandai bernyanyi dan menari. Di wilayah Xinjiang, sekiranya etnik lain merayakan perayaan atau upacara perkahwinan, orang etnik Tatar yang menghadiri upacara tersebut akan mempersembahkan tarian dan nyanyian untuk memeriahkan suasana.

Selain menyambut hari raya Aidilfitri dan hari raya Aidiladha seperti kaum Islam yang lain, etnik Tatar juga merayakan "Pesta Saban". Pesta yang dirayakan pada musim penanaman melalui pelbagai aktiviti seperti bernyanyi, menari, gusti, lumba kuda, dan lain-lain ini bertujuan untuk mendoakan tuaian yang lumayan pada musim gugur. **KS**



## Masjid Xiningdao Tianjin

Masjid Xiningdao terletak di nombor 55 Jalan Xiningdao, daerah Heping, bandar Tianjin, China. Masjid ini mula dibina pada 1 Mei 1991 dan dibuka pada 2 Mac, iaitu hari pertama bulan Ramadan tahun berikutnya.

Kawasan masjid Xiningdao mempunyai keluasan 1,000 meter persegi. Bangunan masjid ini menggabungkan seni bina tradisional China dengan seni bina Arab. Ruang sembahyang Muslimin yang terletak di tingkat dua luasnya 185 meter

persegi, dan dapat menampung 200 orang solat berjemaah.

Manakala, ruang sembahyang Muslimat yang terletak di tingkat satu luasnya 21 meter persegi, dan boleh menampung 20 orang solat berjemaah bersama-sama pada satu masa.

Pada tahun 1998 dan 1999, kerajaan tempatan telah memperuntukkan dana untuk membaik pulih bumbung ruang sembahyang dan menara azan. Selepas itu, kerajaan tempatan telah beberapa kali menyediakan dana bagi membaik pulih masjid tersebut. **KS**



wǒ xiǎng qù tiān jīn xī níng dào qīng zhēn sì, xiè xiè. dì zhǐ: tiān jīn shì hé píng qū xī níng dào 55 hào.

我想去天津西宁道清真寺，谢谢。地址：天津市和平区西宁道55号。  
Saya nak pergi ke Masjid Xiningdao, terima kasih.

Alamat: Nombor 55, Jalan Xiningdao, Daerah Heping, Tianjin.



Sayur di atas Pokok

## Toona Sinensis

Hai, semua pembaca! Selamat membaca ruangan Dapur Lazat Anisah. Dalam keluaran kali ini, saya akan memperkenalkan sejenis sayur, iaitu Toona sinensis.

Toona sinensis, bagi pembaca Malaysia mungkin masih belum mengetahuinya, namun bagi masyarakat Cina, Toona sinensis sangat terkenal dan sering dimakan pada musim bunga. China merupakan negara tunggal di dunia yang mengkategorikan Toona sinensis sebagai sejenis sayur. Sejarah Toona sinensis bermula sejak zaman Dinasti Han. Sayur ini pernah dianggap sebagai "barang istimewa" kerana hanya diberikan kepada raja sebagai penghormatan. Pada zaman itu, nilainya sama dengan Laici, sangat berharga.

Seiring dengan cuaca yang semakin panas, tumbuh-tumbuhan dikatakan dapat membantu untuk memulihkan tenaga. Sebenarnya, daun-daun pokok Toona sinensis yang baru bercambah dinamakan cambah Toona sinensis. Daunnya hijau, tetapi

tepinya berwarna merah, seumpama batu akik dan batu jed, serta berbau wangi. Selain itu, khasiatnya juga sangat tinggi jika dibandingkan dengan sayur yang biasa. Oleh sebab itu, Toona sinensis digelar "sayur di atas pokok" dan juga "makanan hijau".

Salad tauhu dengan Toona sinensis dianggap sebagai makanan yang mudah dibuat. Kini, Anisah akan mengajar anda menyediakan hidangan ini. Selamat mencuba! 

### Cara memasak:

1. Panaskan air di dalam kuali. Apabila air sudah mendidih, masukkan sedikit garam. Kemudian, rendam cambah Toona sinensis seketika dan keluarkannya.
2. Cuci Toona sinensis dalam air sejuk. Seterusnya, potong kecil.
3. Masukkan Toona sinensis dalam mangkuk, kemudian campurkannya dengan minyak bijan, garam, kicap dan cuka.
4. Letakkan tauco dalam pinggan. Kemudian, letakkan Toona sinensis yang sudah selesai dimasak di atas tauco tersebut.



## Waktu Solat di China



Selain waktu solat dan panduan arah kiblat, anda juga boleh mendapat info-info berguna yang membantu menyempurnakan pelancongan anda di China, seperti:



restoran Islam



masjid



pusat beli-belah



tempat pelancongan

**App ini secara automatik mengesan lokasi anda di China, Malaysia dan Indonesia, dan akan memaparkan waktu solat tempatan serta arah kiblat. Ia juga sebagai panduan khusus untuk warga muslim sewaktu berada di China.**

吉祥金

PROPIITIOUS GOLD

百年中行

百年辉煌



中银吉祥金系列贵金属产品

Bank of China Propitious Gold Series  
Precious Metal Products

\*产品规格以实际柜台销售为准，图片仅供参考。

\* Product specifications are for references only and may vary depending on the final stock available at the sales counters. Images are for illustration purpose only.

For more information, you may log on to [www.bankofchina.com/my/](http://www.bankofchina.com/my/), visit any of our branches nationwide or call 603-2171 7288 Ext 237

【 安全 • 保值 • 永恒 | Secure • Preservation • Perpetual 】